

## KUMPULAN TANI KOMERSIL JAYA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012



**Nama** : **Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lojing**

**Alamat** : Taman Kekal Pengeluaran Makanan  
(TKPM) Lojing, 18300 Gua Musang, Kelantan

**Keluasan** : 72.12 ha

**Pengerusi** : En. Mohd Nashruddin Bin Muda

**Peserta** : 45 orang

**No.ID Projek** : DH 0124

**Penubuhan** : Tahun 2001

**Keluasan dibuka** : 28 ha

**Keluasan petak tanaman** : 17 ha

**Pelaburan** : i. Kerajaan :RM 5,000,000.00 (Pembinaan infrastruktur)  
ii. Peserta Projek (petani) : RM 1,000,000.00 (Modal pusingan)

### AKTIVITI EKONOMI

- ❖ Kelompok ini telah menjalankan penanaman sayur-sayuran seluas 17 ha yang melibatkan seramai 10 orang usahawantani. Dua Sistem penanaman yang diamalkan , iaitu secara fertigasi di bawah straktur pelindung hujan dan adalah secara terbuka. Pada tahun 2011, projek ini telah melaksanakan penanaman sayur-sayuran seluas 29.5 ha (che) dan keluasan berhasil 27.2 ha (che). Daripada keluasan berhasil , projek ini telah mendapat hasil sebanyak 837,400 kg dengan nilai sebanyak RM 1,345,000.00 dan purata pendapatan peserta sebanyak RM 6,000.00 seorang sebulan.
- ❖ Peserta Usahawan juga ada mengamalkan pertanian secara intergasi iaitu penanaman sayuran dan ternakan kambing secara feedlot. Pada masa sekarang sebanyak 50 ekor kambing yang telah di ternak. Batang-batang jagung yang buahnya telah di tuai, dihancurkan dan sebagai makanan ternakan tersebut, manakala tinja di proses sebagai baja untuk pokok –pokok sayuran .
- ❖ Kelompok ini mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan pengeluaran sayuran yang selamat untuk dimakan di bawah Skim Amalan Ladang Baik (SALM) dalam penanaman dan pengeluaran hasil-hasil sayuran. Di bawah skim SALM seramai 5 peserta telah mendapat sijil dan 3 orang diperingkat kelulusan.

## **INOVASI DAN KREATIVITI**

- ❖ Oleh kerana keluasan tanaman terhad, peserta-peserta telah meningkatkan lagi pusingan tanaman sehingga 6 kali setahun. Bagi meningkatkan hasil pengeluaran.

## **AKTIVITI SOSIAL DAN KEMASYARAKATAN**

- ❖ Peserta mengadakan gotong royong membersihkan tandak air untuk kegunaan penyiraman tanaman dan pemasangan perangkap lalat buah untuk serangga perosak tanaman sayuran.

## **PENCAPAIAN DAN ANUGERAH**

- ❖ Anugerah Kumpulan Tani Kemersial Jaya Kelantan tahun 2012
- ❖ Anugerah Projek Flegship Terbaik, peringkat negeri pada tahun 2003
- ❖ Anugerah Pengurusan Kualiti Jabatan, Tempat Pertama, kategori Pengurusan Flegship Cemerlang.
- ❖ Anugerah Pengurusan Kualiti tahun 2005 Jabatan Pertanian, Tempat Pertama, kategori Pengurusan Flegship Cemerlang tahun 2005.

## **PERANCANGAN MASA DEPAN**

- ❖ Peserta projek telah memberi tumpuan yang baik dan mengusahakan dengan kaedah penanaman terkini dalam pengeluaran sayur-sayuran tanah tinggi. Dengan pengeluaran hasil-hasil sayuran ini diharap dapat mengurangkan pergantungan terhadap import makanan negara disamping dapat mengksport bagi sesetengah hasil sayuran.